

**Pemikiran inovatif, kreatif penentu kejayaan abad 21 – Najib
Utusan Online
06 Januari, 2013**

PEKAN 5 Jan. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, persaingan pada abad ke-21 bukan hanya terletak kepada kejayaan akademik semata-mata tetapi menuntut kejayaan dalam aspek yang lebih besar terutama keupayaan berfikir secara inovatif dan kreatif.

Menurut Perdana Menteri, ini disebabkan abad ini menuntut kepada persaingan dari segi idea dengan mereka yang mempunyai idea lebih unggul akan jauh mendahului pihak lain.

"Kejayaan kita sebagai sebuah negara juga bergantung kepada bakat yang merupakan kesepaduan antara ilmu, kemahiran dan pemikiran yang kreatif dan inovatif.

"Daya saing abad ke-21 ini ialah daya saing untuk membangunkan bakat bagi menentukan rakyat kita yang mempunyai kemampuan tinggi kekal sebagai mereka yang sanggup menyumbang kepada kejayaan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah Kemerlangan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah dan Penilaian Menengah Rendah peringkat Parlimen Pekan di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Pada majlis itu, seramai 464 pelajar cemerlang menerima sijil dan wang tunai sumbangan Yayasan Pahang yang keseluruhannya berjumlah RM92,500.

Sementara itu, kata Najib, jika dikupas faktor-faktor di sebalik kejayaan seseorang pelajar akan menunjukkan kepimpinan berprestasi tinggi di peringkat sekolah cukup penting.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130106/dn_04/Pemikiran-inovatif-kreatif-penentu-kejayaan-abad-21---Najib